



HASiL

KENYATAAN MEDIA

SIARAN SEGERA**HASiL/2023/05/22 – 39**

JALINAN KERJASAMA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (HASiL) BERSAMA DENGAN MEDIA DAN PEMAIN INDUSTRI PERKUKUH PELAKSANAAN E-INVOIS

Kuala Lumpur, 22 Mei 2023 - Seiring dengan arus revolusi digital yang pesat, perniagaan memerlukan cara yang lebih mudah untuk membuat pertukaran maklumat dan transaksi perdagangan di peringkat domestik mahupun global. Bagi memastikan kecekapan pengurusan pentadbiran percukaian negara seiring dengan perkembangan teknologi semasa, kerajaan melalui pembentangan Bajet 2023 telah memperkenalkan pelaksanaan e-invois sebagai satu mekanisma baharu untuk mencapai hasrat tersebut.

Sehubungan itu, satu sesi libat urus YBhg. Datuk Dr. Mohd Nizom bin Sairi, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL bersama hampir 220 orang peserta yang terdiri daripada pengamal media, pempengaruh media (*media influencer*) dan pemain industri telah diadakan di Hotel Westin, Kuala Lumpur.

Pelaksanaan e-invois ini akan diadakan secara berperingkat mulai akhir tahun 2023 dengan memfokuskan pembangunan sistem dan projek rintis bersama pembayar cukai terpilih serta penggunaannya adalah diwajibkan kepada perniagaan mengikut nilai ambang jualan secara berperingkat bermula pada Jun 2024.

Perincian bagi cadangan pelaksanaan e-invois ini adalah seperti yang berikut:

TAHUN	PERKARA
Januari 2024	Melancarkan <i>pilot project</i> bagi syarikat terpilih. Syarikat lain juga boleh melaksanakannya secara sukarela.
Jun 2024	Pelaksanaan mandatori bagi perniagaan yang mencapai nilai ambang jualan RM100 juta setahun.
Januari 2025	Pelaksanaan mandatori bagi perniagaan yang mencapai nilai ambang jualan RM50 juta setahun.
Januari 2026	Pelaksanaan mandatori bagi perniagaan yang mencapai nilai ambang jualan RM25 juta setahun.
Januari 2027	Pelaksanaan mandatori bagi semua perniagaan.

Sesi ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada pengamal media, pempengaruh media dan pemain industri serta mendapatkan maklum balas terus berkenaan strategi-strategi pemasaran yang boleh dilaksanakan bagi membantu HASiL dalam menyebarluas kepentingan e-invois dalam konteks urusan percukaian negara. Tambahan pula, peranan yang dimainkan oleh kumpulan ini sangat penting dan mampu bertindak sebagai duta HASiL dalam menyampaikan maklumat percukaian kepada pembayar cukai yang berkaitan.

YBhg. Datuk Dr. Mohd Nizom Sairi dalam ucapannya menyatakan bahawa pelaksanaan e-invois ini bukan sahaja mampu menambah baik kualiti perkhidmatan yang ditawarkan oleh pentadbir cukai, malah ia turut memberikan banyak manfaat kepada pembayar cukai dari segi meningkatkan kecekapan operasi perniagaan, memudahkan urusan penyimpanan rekod dan mengurangkan kos pematuhan cukai mereka.

Tambah beliau lagi, pelaksanaan e-invois ini juga dapat mewujudkan transaksi perniagaan yang lebih telus sekali gus membantu kerajaan mengatasi masalah ekonomi bayangan (*shadow economy*) dalam urus niaga.

Turut sama hadir dalam sesi libat urus ini ialah YBhg. Datuk Dr. Sotimin bin Muhalip, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Dasar), YBrs. Puan Wan Ramiza binti Wan Ghazali, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian), YBrs. Encik Hisham bin Rusli, Timbalan Ketua Eksekutif (Pengurusan) serta barisan pengurusan kanan HASiL.

Semoga dengan penganjuran sesi libat urus ini, para pengamal media, pempengaruh media dan pemain industri dapat memainkan peranan yang signifikan dalam memberi pemahaman berkenaan pelaksanaan e-invois kepada pembayar cukai, seterusnya memastikan sistem ini mendapat sokongan yang padu dan dipercayai oleh rakyat.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas berkaitan boleh dimajukan kepada kami melalui:

- a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/public.>

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan Oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Hasil Recovery Call Centre: 03-8751 1000

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 22 Mei 2023

LHDN
M A L A Y S I A

LAMPIRAN

YBhg. Datuk Dr. Mohd Nizom bin Sairi, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL sedang menyampaikan ucapan alu-aluan sempena Sesi Libat Urus Pelaksanaan e-invois bersama dengan pengamal media, pempengaruh media dan pemain-pemain industri bertempat di Hotel Westin Kuala Lumpur.



YBhg. Datuk Dr. Mohd Nizom Sairi, KPE HASiL bersama barisan pengurusan tertinggi HASiL membentang serta memberikan penerangan berkenaan pelaksanaan e-invois di samping menjawab pertanyaan daripada peserta sesi libat urus.

LAMPIRAN

Peserta sesi libat urus sedang mengajukan soalan kepada panel dan pembentang e-invois bagi mendapatkan input yang jelas berkenaan kepentingan serta manfaatnya kepada para pembayar cukai.



Sesi libat urus e-invois disempurnakan dengan sesi bergambar oleh para peserta bersama dengan YBhg. Datuk Dr. Mohd Nizom Sairi, KPE HASiL sebagai tanda sokongan terhadap inisiatif terbaru ini.